

BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

EDISI BULAN MEI 2014



PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT (Office Suite)

FOKUS




-  **Pengenalan Kepada Perisian Produktiviti Pejabat**
-  **Kenali Perisian Produktiviti Pejabat Yang Popular**
-  **Perisian Produktiviti Pejabat Yang Telah Ditamatkan**

TOKOH



Florian Effenberger
Individu Penting
OpenOffice & LibreOffice

INFORMASI

-  **Gadget:**
Microsoft Surface Pro 3
-  **Google Lancar**
"Google Classroom"
-  **Pengguna eBay**
Perlu Tukar **KATA LALUAN**

MEI 2014



Penerbitan:



Sektor K-Ekonomi
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Pada suatu masa dahulu, teknik pengurusan dokumentasi dilakukan secara manual, ini meliputi alat menulis dan juga paparan tulisan. Limitasi teknik ini pada ketika itu adalah ketahanan paparan yang digunakan. Manakala cabaran pengarang pula ialah kebolehbacaan pembaca serta ketepatan fakta yang dicatatkan. Kelemahan ini telah membawa kepada pengenalan mesin taip pada tahun 1860an, ia telah menjadi satu alat yang begitu relavan dalam penyediaan dokumentasi dan menjadi begitu popular dalam pengurusan dokumentasi pejabat.

Pada tahun 1980an, komputer peribadi dan perisian komputer khusus untuk pemrosesan perkataan (*word processor*) telah diperkenalkan, di mana perisian dengan nama WordStar ciptaan syarikat MicroPro pada tahun 1983 telah mendominasi pasaran, dan ia disaingi oleh WordPerfect dan Microsoft Word. Pelbagai lagi perisian komputer telah dicipta yang bukan

sahaja untuk kegunaan pemrosesan perkataan, malah ianya telah mencakupi juga perisian lembaran (*spreadsheet*), perisian persembahan (*presenter*) dan perisian pengurusan data (*database*). Perisian-perisian ini juga telah mula diperkenalkan secara satu pakej, seperti Lotus 1-2-3 yang begitu popular pada tahun 1990an, serta Microsoft Office yang telah memintas perisian-perisian produktiviti pejabat lain untuk mendominasi pasaran sekitar tahun 2000.

Antara isu yang timbul ialah kos yang perlu dibayar oleh pengguna, dan ini merujuk kepada perisian yang biasa diketahui umum iaitu Microsoft Office. Umum tidak mengetahui perisian alternatif yang ada seperti LibreOffice/OpenOffice, tiada sebarang kos yang dikenakan untuk memilikinya. Pilihan lain ialah Google Docs tidak memerlukan perisian berkenaan dimuat turun, sebaliknya boleh dioperasi secara terus di internet, tanpa sebarang kos. Pengguna perlu bijak dalam memilih perisian mengikut keperluan, dan bukannya apa yang ditawarkan, ini bakal menjadikan perolehan sesuatu perisian menjadi suatu pembaziran, sebab tempoh sesuatu perisian itu biasanya tidak melebihi tiga (3) tahun sebelum versi baru dikeluarkan.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor



Sekalung Tahniah

kepada

Y.A.B DATUK SERI (Dr.) Ir. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON

(D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., B.K.C.)

KETUA MENTERI MELAKA

MEMASUKI TAHUN KEDUA PENTADBIRAN MELAKA MAJU FASA II

BERKAT . TEPAT . CEPAT

Idris Haron twitter.com/idrisharon66

ISI KANDUNGAN

FOKUS

Pengenalan Perisian Produktiviti Pejabat	4-6
Perisian Produktiviti Pejabat Yang Telah Ditamatkan	7
Perisian Produktiviti Pejabat Popular	8-13

TOKOH

Florian Effenberger	14-15
---------------------	-------

INFORMASI

Gadget ICT: Microsoft Surface Pro 3	16
Google Lancar Google Classroom	17
Pengguna eBay Perlu Tukar Kata Laluan	17

PROGRAM

Senarai Program/Kursus ICT Mei 2014	18
Gambar Pelaksanaan Program ICT	19
Senarai Perisian Produktiviti Pejabat	20

Penaung

Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat

YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor

Muaz bin Ghazali

Penerbit & Percetakan

Sektor K-Ekonomi,
Bahagian Teknologi Maklumat
dan Komunikasi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln. Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

No.Tel : 06-2324425/4436

No.Faks : 06-2331460

Emel : buletin@emelaka.gov.my

Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Sektor K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.

PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT

[Office Suite]



PENGENALAN

Perisian Produktiviti Pejabat ataupun lebih dikenali dengan nama *office suite*, *office software suite* atau *productivity suite* adalah pakej atau koleksi program bagi komputer peribadi yang digunakan untuk mengautomasi kerja dan tugas pejabat. Perisian Produktiviti Pejabat ini kebiasaannya di dapati dengan membeli perisian untuk digunakan namun ia masih boleh dimuat turun secara percuma tetapi penggunaannya terhad dan terbatas kepada fungsi-fungsi tertentu atau masa penggunaan perisian produktiviti pejabat berkenaan telah ditetapkan kepada beberapa hari sebelum ia harus dibeli oleh pengguna untuk menggunakannya. Walaubagaimanapun, perisian produktiviti pejabat pada hari ini juga hadir secara bebas dan percuma yakni pengguna boleh memuat naik, menggunakan dan mengedarkannya secara percuma. Jenis perisian produktiviti pejabat ini dipanggil sebagai perisian produktiviti pejabat bersumber terbuka.

KATEGORI

Terdapat beberapa kategori penggunaan perisian produktiviti pejabat yang perlu diketahui pengguna kerana ia mewakili kelompok pengguna yang berbeza. Ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *desktop*, mudah alih (*mobile*) dan atas talian (*online*).



DESKTOP

Perisian produktiviti pejabat bagi kegunaan *desktop* merupakan penggunaan yang paling biasa dan popular digunakan di dunia sejak dari dahulu hingga ke hari ini. Pengguna perlu memuat turun dan membeli perisian tersebut sekiranya dikehendaki sebelum boleh menggunakannya melalui komputer peribadi.

ONLINE

Perisian produktiviti pejabat secara atas talian merupakan jenis perisian produktiviti pejabat yang ditawarkan menerusi laman sesawang sebagai sebuah bentuk perkhidmatan. Penggunaan secara atas talian yang memerlukan pengguna mempunyai sambungan Internet sebelum dapat menggunakannya adalah bentuk penggunaan yang semakin digemari pada masa kini kerana perkhidmatan yang ditawarkan menjangkau apa yang mampu ditawarkan oleh perisian produktiviti pejabat bagi kegunaan *desktop*.

Harga yang ditawarkan juga lebih murah berbanding harga bagi kegunaan *desktop* dan pengguna tidak perlu memuat turun perisian selain ditawarkan juga ruang storan secara awan (*cloud*) bagi fail dokumen yang dihasilkan.

MOBILE

Penggunaan perisian produktiviti pejabat secara mudah alih mula menjadi pilihan pengguna terutamanya bagi pengguna telefon pintar kerana ia mudah didapati di pasaran. Ia boleh hadir secara percuma atau berbayar kepada pengguna dan penggunaannya praktikal sekiranya pengguna perlu membuka atau mengubah sesuatu fail tanpa perlu menggunakan komputer peribadi.

Namun, adakalanya pengguna menghadapi kekangan fungsi dan kesukaran untuk mengemaskini dokumen kerana perisian produktiviti pejabat secara mudah alih ini tidak selengkap perisian produktiviti pejabat bagi kegunaan *desktop*. Walaubagaimanapun, harganya yang murah dan mudah untuk diakses di mana sahaja merupakan faktor utama pengguna memilikinya. Selain telefon pintar, ia juga boleh digunakan melalui *tablet*.

SEJARAH

Perisian produktiviti pejabat yang pertama sekali digunakan pada sebuah komputer adalah perisian Framework. Framework adalah perisian produktiviti pejabat yang dilancarkan pada tahun 1984 dan dapat dijalankan pada kerangka PC 8086 dengan sistem pengoperasian DOS. Robert Carr dan Marty Mazner adalah individu yang membangunkan perisian Framework setelah mengasaskan syarikat Forefront Corporation.



Pada Julai 1983, mereka berdua berbincang dengan syarikat Ashton-Tate untuk menyediakan modal bagi tujuan memasarkan perisian Framework. Usaha mereka membuahkan hasil di mana perisian Framework berjaya dipasarkan sehingga syarikat Ashton-Tate membeli Forefront Corporation setahun lebih awal daripada rancangan. Pembangunan seterusnya dilakukan oleh syarikat Ashton-Tate dengan dibantu oleh pasukan asal yang membangunkan Framework.

Akhirnya, mereka berjaya mengeluarkan versi seterusnya seperti Framework II (1985), Framework III (1988-1989) dan Framework IV (1991). Selepas daripada perisian Framework, muncul pula perisian produktiviti pejabat Lotus Symphony yang dikeluarkan oleh Lotus Development hasil daripada kejayaan program *spreadsheets* popular mereka iaitu Lotus 1-2-3.



1978

WordStar



Aplikasi Word Processor
Rob Barnaby

1979

VisiCalc



Aplikasi Spreadsheets
VisiCorp

1982

Multiplan



Aplikasi Spreadsheets
Microsoft

1983

Lotus 1-2-3



Aplikasi Spreadsheets
Rob Barnaby

1988

Lotus Ami Pro



Aplikasi Word Processor
Lotus Software

1989

WordPerfect



Aplikasi Word Processor
WordPerfect Corp

KOMPONEN ASAS

Komponen bagi perisian produktiviti pejabat adalah koleksi program yang ditawarkan secara pakej kepada pengguna sama ada perisian produktiviti pejabat tersebut dimiliki secara berbayar atau percuma. Komponen perisian yang disediakan kepada pengguna mungkin berbeza antara perisian produktiviti pejabat namun terdapat tiga komponen asas yang wajib ada bagi setiap keluaran perisian produktiviti pejabat iaitu program *word processor*, *spreadsheet* dan *presentation*.

WORD PROCESSOR



Word processor adalah sebuah program komputer yang berupaya untuk mencipta, menyimpan, mengubah dan mencetak sebarang bentuk bahan bertulis. Ia merupakan suatu evolusi kepada penggunaan mesin taip pada zaman dahulu di mana ia mudah, cepat dan efektif untuk digunakan



SPREADSHEET

Spreadsheet adalah sebuah program komputer yang direka pada asalnya bagi kegunaan organisasi dan analisis data dalam bentuk jadual serta simulasi komputer bagi kertas kerja perakaunan. Namun kini, pengguna biasa juga dapat memanfaatkan fungsi program *spreadsheet* dalam perisian produktiviti pejabat yang mampu melakukan pengiraan asas matematik. Program *spreadsheets* yang dibangunkan pertama kali adalah VisiCalc bagi kegunaan komputer Apple II sekitar tahun 1983.

PRESENTATION



Program *presentation* pula adalah sebuah program komputer yang berupaya menyampaikan maklumat dalam bentuk *slide show*. Terdapat tiga fungsi utama dalam program *presentation* ini iaitu (1) sebagai editor yang membolehkan teks dimasukkan dan diformat, (2) satu kaedah untuk memasukkan dan memanipulasi imej grafik serta bertindak sebagai (3) satu sistem penyampaian maklumat menggunakan kaedah *slide show*.

ALTERNATIF

Perisian Microsoft Office adalah merupakan perisian produktiviti pejabat yang paling popular digunakan di dunia sejak sekian lama. Namun diketahui umum bahawa perisian Microsoft Office ini adalah perisian yang berbayar dan lesen penggunaan perisian ini pula terhad kepada beberapa pengguna sahaja manakala harga perisian pula boleh dikatakan agak mahal untuk pengguna biasa. Apakah alternatif yang disediakan kepada pengguna untuk menggunakan perisian produktiviti pejabat selain perisian Microsoft Office? Di sinilah peranan perisian sumber terbuka dalam menyediakan perisian yang bebas dan percuma kepada pengguna dengan jaminan tahap perkhidmatan yang disediakan sebaik perisian berbayar.

Antara perisian produktiviti pejabat bersumber terbuka yang terkenal ketika ini adalah perisian Apache OpenOffice dan LibreOffice. Melalui perisian bersumber terbuka ini, pengguna masih dapat melakukan kerja-kerja automasi pejabat dengan baik dan ianya didatangkan secara percuma kepada pengguna. Namun demikian, antara isu utama kepada pengguna mengenai perisian sumber terbuka ini adalah kurang kemahiran dan tidak selesai semasa mengendalikan perisian bersumber terbuka kerana pertukaran persekitaran daripada Microsoft Office kepada perisian alternatif memerlukan masa untuk menyesuaikan diri. Namun sokongan dan bantuan daripada komuniti perisian sumber terbuka dalam menyediakan tutorial penggunaan perisian dan khidmat nasihat telah banyak memudahkan para pengguna untuk lebih mesra dan mahir terhadap perisian sumber terbuka ini.

PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT YANG 'TELAH TIADA'

Sumber: Wikipedia.org, <http://alternativeto.net>, <http://www.techsupportalert.com>, <http://apple.wikia.com>

APPLEWORKS



Perisian asal AppleWorks adalah antara perisian produktiviti pejabat yang pertama bagi kegunaan komputer peribadi di mana ia menampilkan *word processor*, *spreadsheet*, dan pangkalan data yang ditulis oleh Rupert Lissner dan dikeluarkan pada tahun 1984 oleh Apple untuk kegunaan komputer Apple. Namun perisian moden AppleWorks dimulakan sebagai perisian ClarisWorks yang ditulis oleh Robert Hearn dan Scott Holdaway. Perisian ini mengandungi program *word processor*, program lukisan, program *spreadsheet* dan program terminal untuk komunikasi.

Selepas syarikat Claris dibubar dan diserapkan ke dalam Apple, perisian ClarisWorks telah ditukar nama kepada AppleWorks di mana versi terakhir AppleWorks iaitu AppleWorks 6 tidak lagi mengandungi program komunikasi sebaliknya menambah program *presentation*. Pada bulan Ogos 2007, Apple mengisytiharkan perisian AppleWorks akan ditamatkan dan menyatakan bahawa mereka tidak akan lagi menjual suite perisian berkenaan. Perisian produktiviti pejabat iWork menggantikan perisian produktiviti pejabat AppleWorks bagi pengguna Mac OS X.

IBM LOTUS SYMPHONY



IBM Lotus Symphony adalah perisian produktiviti pejabat yang dibangunkan oleh syarikat IBM dan diperkenalkan sebagai versi beta pada tahun 2007 sebelum dilancarkan secara percuma sebagai versi 1.0 pada bulan Mei 2008. IBM Lotus Symphony mengandungi empat komponen penting iaitu IBM Lotus Symphony Documents, IBM Lotus Symphony Spreadsheets, IBM Lotus Symphony Presentations dan sebuah pelayar sesawang yang berasaskan Mozilla Firefox.



Pada 13 Julai 2011, IBM telah mengumumkan untuk menyerahkan Lotus Symphony kepada Apache Foundation dan pada 23 Januari 2012, IBM Lotus Symphony versi 3.0.1 adalah merupakan versi terakhir sebelum mereka tertumpu kepada projek Apache OpenOffice. IBM Lotus Symphony merupakan perisian produktiviti pejabat yang mempunyai pengguna sekurang-kurangnya 12 juta pengguna dengan jumlah muat turun pada bulan Januari 2011 sebanyak 50 juta muat turun.

STAROFFICE



StarOffice adalah perisian produktiviti pejabat (proprietary) yang dikenali secara ringkas sebagai Oracle Open Office sebelum ditamatkan perkhidmatannya pada tahun 2011. Perisian produktiviti pejabat ini berasal pada tahun 1985 daripada perisian StarWriter yang dibangunkan oleh syarikat StarDivision yang telah dibeli oleh Sun Microsystems pada tahun 1999. Pada tahun 1998, syarikat StarDivision mula menawarkan StarOffice secara percuma manakala pada tahun 2000, kod sumber perisian StarOffice pula dikeluarkan dengan tujuan mencipta perisian produktiviti pejabat bersumber terbuka yang percuma.

Semasa Oracle membeli Sun Microsystems pada tahun 2000, syarikat Oracle telah menukarkan nama perisian produktiviti pejabat StarOffice kepada Oracle Open Office. Pada bulan April 2011, Oracle telah mengumumkan untuk menamatkan perkhidmatan Oracle Open Office sejajar dengan keputusan untuk membawa OpenOffice.org menjadi sebuah projek berasaskan komuniti.

PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT YANG POPULAR

MICROSOFT OFFICE | MICROSOFT OFFICE 365 | GOOGLE DOCS
APACHE OPENOFFICE | LIBREOFFICE

1. Microsoft Office (Versi Desktop)

Microsoft Office adalah perisian produktiviti pejabat yang paling popular digunakan di dunia ketika ini. Perisian ini dibangunkan oleh syarikat Microsoft dan pertama kali diumumkan kewujudannya oleh Bill Gates pada 1 Ogos 1988. Versi pertama Microsoft Office hanya mengandungi komponen program Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft PowerPoint namun kini ia mengandungi pelbagai program untuk meningkatkan produktiviti pengguna. Bagi pengguna Windows, versi terkini adalah Microsoft Office 2013 manakala bagi pengguna OS X, versi terkininya adalah Microsoft Office 2011. Selain itu, Microsoft Office juga boleh digunakan oleh pengguna Android, iPhone dan Windows Phone dengan memuat turun versi mudah alih yang dipanggil Microsoft Office Mobile.



KOMPONEN

 MICROSOFT WORD Word Processor	 MICROSOFT POWERPOINT Presentation	 MICROSOFT EXCEL Spreadsheets	 MICROSOFT ACCESS Sistem Pengurusan Pangkalan Data	 MICROSOFT OUTLOOK Pengurusan Maklumat Peribadi
 MICROSOFT ONENOTE Program Note-taking	 MICROSOFT PUBLISHER Desktop Publishing	 MICROSOFT PROJECT Program Pengurusan Projek	 MICROSOFT LYNC Pelayan Permesejan Segera	 MICROSOFT VISIO Program Diagramming dan Grafik Vektor

SEJARAH

Sejarah permulaan Microsoft Office secara rasminya bermula pada 19 November 1990 apabila suite Office untuk Windows ketika itu yang dipanggil MS Office 1.0 dilancarkan untuk kegunaan Windows 2.0. Antara faktor utama kejayaan MS Office adalah sistem pintasan papan kunci (*keyboard shortcut system*) di mana penggunaannya digemari berbanding dengan sistem performatan WordPerfect yang memerlukan pengguna untuk menaip sendiri kod khas.

(1) Microsoft Office 1.0 – 1.6

Microsoft Office mula dilancarkan sebagai versi 1.0 pada 19 November 1990 dengan tiga aplikasi iaitu Word 1.1, Excel 2.0, PowerPoint 2.0. MS Office versi 1.6 pula menambah Microsoft Mail 2.1 dalam rangkaian aplikasi.

(2) Microsoft Office 3.0

Microsoft Office 3.0 juga dipanggil Microsoft Office 92 telah dikeluarkan pada 30 Ogos 1992 dan mengandungi Word 2.0, Excel 4.0, PowerPoint 3.0 and Mail 3.0. Ia juga adalah versi Office yang pertama dikeluarkan melalui CD-ROM.

(3) Microsoft Office 4.x

Microsoft Office 4.2 (Edisi *Standard*) and 4.3 (Edisi *Professional*) telah dikeluarkan sebagai versi 16-bit terakhir yang juga versi terakhir menyokong Windows3.x di mana versi ini mengandungi Word 6.0, Excel 5.0, PowerPoint 4.0 dan Access 2.0 (Edisi *Professional*).

(5) Microsoft Office 2000

Microsoft Office 2000 telah memperkenalkan menu penyesuaian di mana pilihan yang kurang digunakan disembunyikan daripada pengguna. Office 2000 adalah versi terakhir yang menyokong Windows 95.

(7) Microsoft Office 2003

Microsoft Office 2003 telah dikeluarkan pada tahun 2003 di mana dua aplikasi baru diperkenalkan iaitu Microsoft InfoPath dan OneNote. Office 2003 adalah versi Office yang terakhir menyokong Windows 2000.

(8) Microsoft Office 2007

Microsoft Office 2007 dikeluarkan pada tahun 2007 di mana ia memperkenalkan ciri baru seperti *Fluent User Interface* dan merupakan versi yang terakhir menyokong Windows XP dan Windows Server 2003 versi x64

(4) Microsoft Office 95

Microsoft Office 95 dikeluarkan pada 24 Ogos 1995 dan direka sebagai versi 32-bit sepenuhnya untuk menyokong Windows 95. Ia hadir dalam dua versi iaitu Office 95 Standard dan Office 95 Professional di mana versi standard mengandungi Word 7.0, Excel 7.0, PowerPoint 7.0 dan Schedule+ 7.0 manakala versi professional mengandungi semua program dalam versi standard dan penambahan program Microsoft Access 7.0

(6) Microsoft Office XP

Microsoft Office XP atau dikenali sebagai Office 2002 dilancarkan bersempena dengan sistem pengoperasian Windows XP. Office XP memperkenalkan ciri *Safe Mode* di mana ia membolehkan Office XP mengesan punca masalah sama ada untuk memperbaikinya ataupun memintas punca tersebut. Ia adalah versi pertama yang memerlukan Pengaktifan Produk (*Product Activation*) sebagai langkah anti cetak rompak, yang telah menimbulkan kontroversi yang meluas.

(9) Microsoft Office 2010

Microsoft Office 2010 hadir untuk pengguna pada 15 Jun 2010 dan merupakan versi pertama dikeluarkan dalam variasi 32-bit dan 64-bit.

(10) Microsoft Office 2013

Microsoft Office 2013 telah disediakan kepada pengguna pada 16 Julai 2012 dalam versi *Customer Preview*. Antaramukanya adalah berasaskan konsep Metro iaitu antaramuka bagi Windows Phone and Windows 8 di mana aplikasi Outlook mengalami banyak perubahan daripada penggunaan antaramuka Metro ini. Pada 15 November 2012, versi percubaan selama 60 hari untuk Office 2013 Professional Plus telah dikeluarkan kepada pengguna untuk dimuat turun.

PERBANDINGAN VERSI

	KOMPONEN	PEMASANGAN	STORAN ATAS TALIAN	HARGA (anggaran)
Microsoft Office Home & Student 2013	Microsoft Word, Excel, PowerPoint, OneNote (2013)	Terhad untuk 1 PC	Percuma Storan Atas Talian Berkapasiti 7GB	RM 350 satu lesen
Microsoft Office Home & Business 2013	Microsoft Word, Excel, PowerPoint, OneNote, Outlook (2013)			RM 900 satu lesen
Microsoft Office Professional 2013	Microsoft Word, Excel, PowerPoint, OneNote, Outlook, Publisher, Access (2013)			RM 1605 satu lesen
Microsoft Office Home & Student (MAC)	Microsoft Word, Excel, PowerPoint, OneNote (Versi Microsoft Office 2011)	Terhad untuk 1 Mac		RM 450 satu lesen
Microsoft Office Home & Business (MAC)	Microsoft Word, Excel, PowerPoint, OneNote, Outlook (Versi Microsoft Office 2011)			RM 705 satu lesen

2. Microsoft Office 365 (Versi Atas Talian)

Microsoft Office 365 atau lebih dikenali dengan panggilan Office 365 adalah perisian yang berbeza dengan perisian produktiviti pejabat Microsoft Office yang popular kerana Office 365 adalah perisian produktiviti pejabat secara atas talian dan perkhidmatan yang berasaskan kepada penjualan secara langganan. Office 365 dilancarkan secara rasmi pada 28 Jun 2011 setelah melalui fasa pengujian perisian pada bulan Oktober 2010. Office 365 juga merupakan perisian pengganti kepada perisian Microsoft Business Productivity Online Suite yang menyediakan perkhidmatan kepada golongan perniagaan. Namun untuk perisian Office 365 ini, penggunaannya tidak hanya terhad buat golongan perniagaan di mana ia juga hadir untuk penggunaan persendirian, keluarga dan juga pelajar universiti.



PELAN LANGGANAN

Pelan	Perincian
OFFICE 365 HOME	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan sehingga 5 PC, 5 Mac atau 5 Tablet Sekurang-kurangnya 7GB storan atas talian secara percuma kepada 5 pengguna Bayaran sebanyak RM 249.99 untuk kegunaan selama 1 tahun
OFFICE 365 PERSONAL	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan terhadap kepada 1 PC, 1 Mac atau 1 Tablet Sekurang-kurangnya 7GB storan atas talian secara percuma kepada 5 pengguna Bayaran sebanyak RM 189.99 untuk kegunaan selama 1 tahun
OFFICE 365 UNIVERSITY	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan sehingga 2 PC, 2 Mac atau 2 Tablet Ditawarkan kepada pelajar, fakulti atau kakitangan institusi pengajian tinggi Bayaran sebanyak RM 219.99 untuk kegunaan selama 4 tahun

3. Google Docs

Pihak Google tidak mahu ketinggalan dalam mengukuhkan jenama mereka kepada pengguna dengan memperkenalkan perisian produktiviti pejabat yang percuma iaitu Google Docs. Google Docs bukan sahaja ditawarkan secara percuma kepada pengguna malah ia merupakan sebuah perisian produktiviti pejabat atas talian yang memerlukan pengguna untuk mendaftar jika ingin menggunakannya. Namun kini, perkhidmatan Google Docs ditawarkan di bawah aplikasi Google Drive di mana ianya menawarkan juga perkhidmatan Google Slides yang seakan aplikasi Microsoft PowerPoint dan Google Sheets yang mirip kepada aplikasi Microsoft Excel.



SEJARAH

Google Docs asalnya adalah berasal daripada dua jenis aplikasi iaitu Writely dan Google Spreadsheets. Writely adalah aplikasi *word processor* berasaskan laman sesawang yang dibangunkan oleh syarikat Upstartle iaitu sebuah syarikat perisian. Sam Schillace, Steve Newman dan Claudia Carpenter merupakan individu bertanggungjawab menulis program Writely di mana idea untuk membangunkan Writely ini adalah untuk menghasilkan sebuah aplikasi seperti Microsoft Word namun lebih ringkas dan ditawarkan secara atas talian. Pada 9 Mac 2006, Google mengumumkan untuk mengambil alih syarikat Upstartle selain membangunkan Google Spreadsheets menggunakan teknologi daripada 2Web Technologies dan melancarkan aplikasi Google Labs Spreadsheets pada 6 June 2006 sebagai satu komponen kepada Google Docs.



GOOGLE DOCS

(Aplikasi Word Processor)

- # Memuat naik dokumen Word dan menukarkannya kepada dokumen Google
- # Menterjemahkan dokumen kepada bahasa lain
- # Dapat memuat turun dokumen Google dalam format Word, OpenOffice, RTF, PDF, HTML atau fail ZIP
- # Emel dokumen kepada orang lain sebagai lampiran (*attachments*)

GOOGLE SHEETS

(Aplikasi Spreadsheets)

- # Memuat naik dan menukarkan format data Excel, .csv, .txt dan .ods kepada Google spreadsheets
- # Mampu melakukan export data Excel, .csv, .txt, .ods, PDF dan HTML
- # Boleh menggunakan formula untuk melakukan pengiraan pada data dan melakukan *formatting* pada data mengikut kehendak pengguna
- # Mencipta carta grafik melalui data yang dimasukkan

GOOGLE SLIDES

(Aplikasi Presentation)


- # Mencipta dan mengubah *presentations*
- # Memuat naik fail .pptx dan .pps dan menukarkannya kepada Google presentations
- # Memuat turun fail *presentations* dalam bentuk fail .pdf, .ppt, .svg atau .txt
- # Boleh memasukkan gambar dan video pada fail *presentations*

4. Apache OpenOffice

Apache OpenOffice adalah perisian produktiviti pejabat bersumber terbuka yang diteruskan pembangunannya setelah pihak Oracle menutup projek OpenOffice.org pada bulan April 2011. Apache OpenOffice ini pula diuruskan oleh Apache Software Foundation di mana ia boleh didapati dan digunakan secara percuma kerana perisian ini dilesenkan di bawah Apache License 2.0. Perisian produktiviti pejabat Apache OpenOffice ini mengandungi 6 komponen yang terdiri daripada *word processor*, *spreadsheet*, *presentation*, aplikasi lukisan, editor formula dan aplikasi pengurusan pangkalan data. Apache OpenOffice dibangunkan untuk pengguna Linux, OS X, dan Windows, dengan *ports* kepada sistem pengoperasian lain. Keluaran pertama perisian produktiviti pejabat ini adalah versi 3.4.0 yang dilancarkan pada 8 Mei 2012. Format fail pula adalah format OpenDocument (ODF) dan mampu untuk membaca format fail lain khususnya format daripada Microsoft Office.



KOMPONEN



SEJARAH (Apache OpenOffice)

Umum diketahui bahawa perisian produktiviti pejabat Apache OpenOffice adalah berasal daripada projek OpenOffice.org dan IBM Lotus Symphony. OpenOffice.org diteruskan pembangunannya oleh Oracle setelah mereka mengambil alih Sun Microsystems pada bulan Januari 2010 berserta dengan perisian StarOffice. Namun, sebahagian besar pembangunan luar OpenOffice.org mengambil keputusan untuk keluar daripada projek ini pada bulan September 2010 telah menyebabkan Oracle mengambil keputusan menghentikan pembangunan OpenOffice.org dan menyumbangkan projek OpenOffice.org kepada Apache Software Foundation pada bulan Jun 2011. Sehingga kini perisian produktiviti pejabat Apache OpenOffice diuruskan oleh Apache Software Foundation dan versi terkini perisian produktiviti pejabat ini adalah versi 4.1.0 yang dilancarkan pada 29 April 2014.

5. LibreOffice

LibreOffice adalah perisian produktiviti pejabat bersumber terbuka yang dibangunkan oleh The Document Foundation. LibreOffice adalah cabang daripada perisian produktiviti pejabat OpenOffice.org semasa tahun 2010. Diambil daripada OpenOffice.org, LibreOffice masih mengekalkan komponen program yang terdapat dalam OpenOffice.org seperti Writer, Calc, Impress, Draw, Math, Base.



Penggunaan LibreOffice dilihat semakin popular di kalangan pengguna perisian produktiviti pejabat di mana jumlah muat turun setiap tahun makin meningkat. Pada tahun 2011, LibreOffice dimuat turun sebanyak 7.5 juta unit manakala pada tahun 2012 pula, jumlah muat turun LibreOffice meningkat kepada 15 juta unit. Jumlah ini terus meningkat bagi tahun berikutnya di mana jumlah muat turun LibreOffice pada tahun 2013 adalah sebanyak 25 juta unit. Untuk kegunaan sistem pengoperasian pula, LibreOffice dibangunkan secara rasmi untuk pengguna Microsoft Windows, Linux dan OS X (IA-32). Port Komuniti untuk FreeBSD, NetBSD dan OpenBSD pula diselenggara oleh penyumbang projek masing-masing.


LibreOffice adalah sebuah perisian bebas di mana ia dilesenkan di bawah lesen LGPLv3 yang membolehkan pengguna menggunakannya secara percuma bagi tujuan peribadi mahupun komersial. Selain itu, pengguna juga bebas untuk menyalin dan memberi salinan perisian kepada orang lain serta mengubah dan mereka bentuk semula kod sumber.

THE DOCUMENT FOUNDATION

The Document Foundation adalah organisasi tidak berasaskan keuntungan yang bertanggungjawab membangun dan mempromosikan perisian produktiviti pejabat LibreOffice. Organisasi ini diasaskan oleh ahli komuniti perisian OpenOffice.org yang merasa bimbang akan kemungkinan pembangunan perisian OpenOffice.org diberhentikan setelah pengambilalihan Sun Microsystems oleh Oracle.

Penubuhan The Document Foundation mula diumumkan pada 28 September 2010 di mana pelbagai pihak menyokong inisiatif ini seperti Novell, Red Hat, Canonical dan Google. Namun setelah melepasi keperluan undang-undang, The Document Foundation akhirnya diperbadankan pada 17 Februari 2012.

KOMPONEN



PERBANDINGAN PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT

	PEMBANGUN	KOS & LESEN	TAHUN KELUARAN	SOKONGAN OS
LIBREOFFICE	The Document Foundation	Percuma (LGPL)	2010	Windows, Mac OS X, Linux, BSD, Unix, Solaris/Illumos
MICROSOFT OFFICE	Microsoft	Berbayar (Proprietari)	1990 (Macintosh) 1992 (Windows)	Windows, Mac OS X
APACHE OPENOFFICE	Apache Software Foundation	Percuma (Apache Licence 2.0)	2012	Windows, Mac OS X, Linux, BSD, Unix, Solaris/Illumos
MICROSOFT OFFICE 365	Microsoft	Berbayar (Proprietari)	2011	Windows, Mac OS X, Linux
GOOGLE DOCS	Google	Percuma	2007	Windows, Mac OS X, Linux, Android, iOS

FLORIAN EFFENBERGER

Individu di sebalik Kejayaan OpenOffice dan LibreOffice

Nama Florian Effenberger mungkin tidak begitu popular di kalangan peminat ICT dunia jika hendak dibandingkan dengan nama Bill Gates mahupun Steve Jobs. Namun, beliau mempunyai sumbangan yang sangat signifikan dalam membawa perisian produktiviti pejabat OpenOffice dan LibreOffice dikenali di dunia. Beliau yang dilahirkan di Jerman sangat aktif dalam projek di OpenOffice.org selama tujuh tahun dan akhirnya mengetuai projek pemasaran bagi OpenOffice.org pada Januari 2010.

Selain itu, Florian Effenberger merupakan salah seorang pengasas kepada The Document Foundation iaitu sebuah organisasi tidak bermotifkan keuntungan yang berfungsi mempromosikan perisian pengendalian dokumen bersumber terbuka. Organisasi ini ditubuhkan oleh ahli-ahli komuniti OpenOffice.org untuk mengurus dan membangunkan perisian produktiviti pejabat LibreOffice. Florian Effenberger dilantik sebagai Pengerusi Lembaga bagi The Document Foundation pada Oktober 2011.

Satu temuramah dilakukan oleh Free Software Foundation Europe (FSFE) pada tahun 2011 mengenai pengalaman dan penglibatan Florian Effenberger membawa produk OpenOffice dan LibreOffice dikenali dunia. Berikut adalah antara soal-jawab yang dilakukan oleh FSFE dengan Florian Effenberger:

Soalan:

Bagaimanakah anda (Florian Effenberger) mula terlibat dengan OpenOffice.org?

Jawapan:

Saya mula menggunakan perisian bebas (Free Software) pada awal usia di mana saya telah memasang (install) GNU/Linux yang pertama pada bulan Jun 1994. Pada akhir tahun 90-an, saya mula menggunakan perisian StarOffice dan terlibat sama dalam *newsgroups* pengguna. Apabila projek OpenOffice.org dimulakan pada tahun 2000, saya mengikuti perkembangan projek tersebut secara dekat tetapi tidak terlibat secara lansung sehingga pada tahun 2004 apabila penglibatan pertama saya bermula di pameran perdagangan. Pada tahun 2005, saya ditawarkan peranan sebagai perhubungan pemasaran Jerman di OpenOffice.org dan dari situ saya mula terlibat secara serius sehingga dilantik mengetuai Projek Pemasaran. Namun kini, saya terlibat secara aktif dengan perisian LibreOffice dan The Document Foundation.

Soalan:

Apakah waktu bekerja di OpenOffice.org telah mengajar anda mengenai perihal pemasaran dan perisian bebas?

Jawapan:

Saya merasakan pemasaran adalah sangat penting kerana anda boleh memiliki sebuah produk yang hebat dan pembangun perisian yang terbaik, namun apabila dunia tidak mengetahui mengenai produk yang anda



tawarkan, tidak ada orang yang akan menggunakannya. Walaupun pembangun perisian adalah sangat penting tetapi pengguna tidak melihat ia sebegini. Pada pandangan saya, memasarkan perisian percuma mempunyai pelbagai tujuan. Memberitahu pengguna mengenai kebaikan perisian percuma adalah satu perkara yang penting kerana ramai pengguna tidak melihat kebaikan perisian percuma pada pandangan pertama mereka seperti *Open Standards*, bebas untuk digunakan, dipelajari, berkongsi dan menambah baik serta mengelakkan jurang digital.

Soalan:

Bagaimanakah peranan The Document Foundation dalam memastikan komuniti LibreOffice dapat mengekalkan prinsip kebebasan dalam produk dan operasinya?


Salah satu sebab penubuhan The Document Foundation adalah untuk menubuhkan satu rangka kerja yang sesuai untuk komuniti dan persekitaran untuk berkembang. Semua aset pula diselenggarakan oleh The Document Foundation berdasarkan pada pendekatan kami yang terbuka, meritokrasi dan telus. Ini dapat memastikan jenama dan cap dagangan tidak berada di bawah kawalan individu atau syarikat tertentu tetapi dijaga oleh komuniti sendiri.

Soalan:

Adakah projek (LibreOffice) mengalami pertumbuhan yang baik sedangkan tumpuan pihak media lebih terarah kepada perpecahan OpenOffice?

Jawapan:

Kami terharu dengan jumlah penyumbang dan sumbangan dari seluruh dunia di mana banyak organisasi dan syarikat menyokong idea kami dari hari pertama lagi dengan memberi kenyataan umum mengenai sokongan mereka. Selain itu, kami mempunyai lebih 70 *mirrors* di seluruh dunia untuk memuat turun LibreOffice ditambah pula dengan memiliki lebih 180 penyumbang baru kod dalam menyediakan *patch*, ciri-ciri, pembaikan pepijat (*bugfixes*) untuk LibreOffice serta lebih 60 *localisers* menterjemahkannya kepada pelbagai bahasa. Sokongan dan maklum balas daripada komuniti, pengguna dan syarikat sangat baik dan ia mendorong kami untuk mengikuti jalan yang telah diambil.



Soalan:

Bagaimanakah anda lihat hubungan di antara LibreOffice dan OpenOffice berkembang pada masa hadapan?

Pengumuman yang dilakukan oleh pihak Oracle mengenai OpenOffice.org telah menimbulkan persoalan baru. Tetapi The Document Foundation tetap terbuka kepada sesiapa yang ingin menyertai dan menyumbang kepada kejayaan sebuah perisian produktiviti pejabat yang benar-benar bebas dan percuma.



Sumber: Wikipedia.org, <http://blogs.fsfe.org>

GADGET PILIHAN MEI 2014

Microsoft Surface Pro 3



Pada 20 Mei 2014 yang lepas, syarikat Microsoft telah memperkenalkan produk terbaru mereka yang dinamakan Microsoft Surface Pro 3 iaitu sebuah tablet ringan yang mempunyai kuasa dan prestasi yang para pengguna jangkakan daripada sebuah komputer riba. Secara ringkasnya, Microsoft Surface Pro 3 adalah sebuah tablet yang juga merupakan sebuah komputer riba di mana ia memiliki pelbagai jenis *processor* dan pakej spesifikasi yang begitu baik. Surface Pro 3 yang mempunyai saiz paparan 12 inci ini dikatakan 30% lebih nipis daripada Macbook Air yang bersaiz 11 inci.

SPEKIFIKASI



SAIZ SKRIN
12 inci

RESOLUSI
2160 x 1440

UKURAN
11.5 x 7.93 x 0.36
(inci)

BERAT
0.8 KG

SISTEM OPERASI
Windows 8.1 Pro

PEMROSES

Genarasi Ke-4
Intel Core™
(i3, i5 atau i7)



STORAN

64GB, 128GB, 256GB, 512GB

RAM

4GB / 8GB
dual-channel LPDDR3



BATERI

9 jam
ketahanan melayari Internet



KAMERA

5 MP
kamera utama dan belakang

HARGA * harga menurut amanz.my

Intel Core™ i3 (64GB, 4GB RAM) = **RM 2729**

Intel Core™ i5 (128GB, 4GB RAM) = **RM 3299**

Intel Core™ i5 (256GB, 8GB RAM) = **RM 4199**


Intel Core™ i7 (256GB, 8GB RAM) = **RM 4999**

Intel Core™ i7 (256GB, 8GB RAM) = **RM 6779**

Sumber: <http://www.microsoft.com>

Google Lancar Google Classroom

Sumber: <http://googleblog.blogspot.com/>



Google dilihat maju setapak ke hadapan dalam bidang pendidikan di mana pada 5 Mei 2014, pihak Google telah mengumumkan penambahan aplikasi baru di dalam suite Pendidikan melalui Google Apps yang mampu membantu para guru mencipta dan menguruskan tugas dengan cepat, memberi maklum balas dengan cekap dan berkomunikasi dalam kelas mereka dengan mudah. Aplikasi yang dimaksudkan adalah Google Classroom yang dibangunkan berdasarkan prinsip di mana alat pendidikan sepatutnya mudah untuk digunakan dan direka untuk memberi para guru lebih banyak masa untuk mengajar dan lebih banyak masa untuk belajar bagi para pelajar.

Namun menurut pihak Google, Google Classroom ketika ini hanya ditawarkan dalam bentuk *preview*, dan para guru yang ingin menggunakannya perlu mendaftar kerana pihak Google hanya menjemput jumlah tenaga pengajar yang terhad sahaja untuk menggunakan Google Classroom dalam masa sebulan. Google Classroom akan disediakan secara rasmi untuk kegunaan institusi pendidikan pada bulan September 2014 nanti. Kepada para pendidik yang ingin mendaftarkan diri boleh melayari laman sesawang tersebut,

<http://classroom.google.com>

Pengguna eBay Perlu Tukar Kata Laluan



eBay merupakan sebuah pasaran atas talian terkemuka di dunia yang menemukan para penjual dan pembeli yang boleh dilayari melalui laman <http://www.ebay.com.my>, iaitu laman eBay yang dibangunkan khas bagi pasaran pengguna di Malaysia. Namun, pihak eBay baru-baru ini telah mengesyorkan para penggunanya untuk menukar kata laluan sebagai satu langkah keselamatan terhadap ancaman serangan siber yang dilakukan pada pangkalan data eBay yang mengandungi kata laluan yang telah disulitkan dan maklumat bukan kewangan para pengguna.

Para pengguna eBay tidak perlu risau akan serangan siber ini kerana satu ujian menyeluruh telah dilakukan ke atas rangkaian dan pihak eBay tidak menemui sebarang bukti yang boleh dikaitkan dengan sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan ke atas pengguna eBay dan tiada bukti mengenai sebarang akses terhadap maklumat kewangan dan kredit kad pengguna. Namun demikian, menukar kata laluan adalah salah satu perkara yang patut dilakukan demi meningkatkan keselamatan pengguna eBay.

Sumber: <http://www.ebayinc.com/>



PROGRAM / KURSUS ICT

Sektor K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN MEI 2014

Program Gerak Gempur eMelaka JKKK Kampung Lapan	4hb Mei 2014	Pusat Kecemerlangan JKKK Kampung Lapan
Latihan Adobe Photoshop: Belia Tamil Pulau Sebang	6hb Mei 2014	Tadika Perpaduan Rumah Awam Pulau Sebang
Latihan Corel Video Studio X4: Belia Tamil Pulau Sebang	10hb Mei 2014	Tadika Perpaduan Rumah Awam Pulau Sebang
Bengkel Pembinaan Portal Joomla: Kakitangan Politeknik Merlimau	15hb - 16hb Mei 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Blog: Pemasaran Melalui Media Sosial	20hb Mei 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Latihan Suntingan Video: Usahawan PKS Negeri Melaka	21hb Mei 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Bengkel Adobe Photoshop: Pelajar SMK Tinggi Melaka	23hb - 24hb Mei 2014	Kemunting Beach Resort Pengkalan Balak
Program Gerak Gempur eMelaka JKKK Sungai Badau, Krubong	25hb Mei 2014	Dewan Wawasan Sungai Badau, Krubong
Latihan Pembangunan Adobe Flash: SMK Sultan Alauddin	28hb Mei 2014	Makmal Komputer SMK Sultan Alauddin
Latihan Corel VideoStudio X4: JKKK Kampung Paya Ikan	29hb Mei 2014	Mini RTC JKKK Kampung Paya Ikan
Program Gerak Gempur eMelaka JKKK Kampung Parit Pendekar	31hb Mei 2014	Balairaya JKKK Kg. Parit Pendekar

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Sektor K-Ekonomi adalah PERCUMA



Gerak Gempur eMelaka@JKKK Kampung Lapan
4hb Mei 2014



Taklimat GST@Dewan Seri Negeri
6hb Mei 2014



Latihan Suntingan Video Belia Tamil Pulau Sebang
10hb Mei 2014



Bengkel Pembinaan Portal Menggunakan Joomla!
15hb - 16hb Mei 2014



Bengkel Adobe Photoshop SMK Tinggi Melaka
23hb - 24hb Mei 2014



Bengkel Adobe Flash@SMK Sultan Alauddin
28hb Mei 2014

SENARAI PERISIAN PRODUKTIVITI PEJABAT



APACHE OPENOFFICE
openoffice.org



CALLIGRA SUITE
calligra.org



IWORK
www.apple.com/iwork



FENG OFFICE
www.fengoffice.com



LIBREOFFICE
www.libreoffice.org



SOFTMAKER OFFICE
www.softmaker.com



MICROSOFT OFFICE
office.microsoft.com



TIKI WIKI CMS GROUPWARE
tiki.org



ZOHO OFFICE SUITE
www.zoho.com



KINGSOFT OFFICE
www.ksosoft.com



GOOGLE DOCS
docs.google.com



NEOFFICE
www.neooffice.org



THINKFREE OFFICE
www.thinkfree.com